

## Projek mini hidro UNIMAS bekal elektrik ke luar bandar

US Rabu 17/6/09

P.2

KOTA SAMARAHAN, Selasa - Projek mini hidro yang dibangunkan oleh Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dapat membekalkan elektrik di kawasan luar bandar khususnya di kawasan pedalaman di negeri ini.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Peter Chin Fah Kui berkata, ia terbukti praktikal dan murah kerana dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan bernilai bilion ringgit.

Menurutnya, projek mini hidro yang direka oleh universiti itu

boleh membekalkan elektrik 24 jam ke kawasan kampung yang mempunyai jumlah penduduk antara 15 hingga 20 orang, malah boleh dikendalikan sendiri oleh penduduk tanpa memerlukan jurutera.

"Projek ini juga boleh dikomersialkan di Sabah yang mempunyai kawasan yang luas dan penduduk yang tinggal jauh di kawasan pedalaman," katanya selepas merasmikan Pelancaran Minggu Hijau 2009 di UNIMAS di sini semalam.

Katanya, kawasan yang terlibat dengan projek itu ialah Kampung Abuk Mawang di Sri Aman dan Simunjan dan satu lagi di Sabah iaitu di Kampung Buayan.

"Penggunaan mini hidro akan mengurangkan penggunaan jana kuasa elektrik yang menggunakan minyak diesel sekali gus menjimatkan kos," jelasnya.

Mini hidro yang dihasilkan itu mampu menjana tenaga elektrik antara 10 hingga 12 kilowatt dan boleh disalurkan kepada 15 hingga 20 kediaman.